

08 FEB 1997

Cheung-KHTP

KHTP BUKAN PROJEK SIA-SIA, LEBIH RM6 BILION NILAI PELABURAN DIKUMPUL

ALOR SETAR, 8 Feb (Bernama) -- Taman Perindustrian Berteknologi Tinggi Kulim (KHTP) bukan projek sia-sia ataupun projek "gajah putih" seperti anggapan sesetengah pihak tetapi ia adalah projek berjaya yang telah menarik pelaburan lebih RM6 bilion.

Pengerusi Jawatankuasa Industri, Tenaga dan Komunikasi Kedah Cheung Kai Yan berkata projek itu membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dan sekaligus mendedahkan mereka kepada kemahiran perindustrian berteknologi yang pasti memberi manfaat kepada negeri, khasnya dan Malaysia, amnya.

"Daripada kejayaannya setakat ini, adalah tidak benar kalau KHTP dikatakan projek gajah putih. Lihat sahaja kepada manfaat sampingan kepada penduduk dan bandar Kulim sendiri," katanya kepada Bernama di Wisma Darul Aman, di sini.

Ada pihak yang mendakwa KHTP gagal menarik minat pelabur dan ada juga mengatakan ia tidak membuka peluang kepada usahawan tempatan.

Malahan isu itu dibangkit beberapa anggota Dewan Undangan Negeri semasa persidangan belanjawan negeri akhir tahun lepas.

Cheung berkata: "Memang benar tidak ada usahawan tempatan membuka kilang kerana kita belum cukup pengalaman dalam bidang teknologi tinggi tetapi rakyat tempatan diberi peluang mendapatkan kontrak dalam sektor perkhidmatan termasuk dalam pembinaan infrastruktur di projek itu.

"KHTP juga membuka peluang kepada industri kecil dan sederhana bertapak di Kulim untuk menghasilkan komponen-komponen bagi menyokong kilang-kilang syarikat antarabangsa yang beroperasi di taman perindustrian itu."

Beliau berkata usahawan dari negeri ini diberikan keutamaan untuk mendapat kontrak perkhidmatan penyelenggaraan dan pembinaan infrastruktur di KHTP.

Setakat ini 19 syarikat dan perbadanan sudah mengesahkan pelaburan di KHTP yang meliputi kawasan lebih 1,400 hektar di Kulim.

Daripada jumlah itu, dua syarikat iaitu Intel Products (M) Sdn Bhd yang melabur RM100 juta untuk mengeluarkan peralatan dan perkakasan komputer dan telekomunikasi, serta Akashic Kubota Technologies yang melabur RM625 juta untuk menghasilkan komponen aluminium untuk cakera keras sudah memulakan operasi.

Empak (Malaysia) Sdn Bhd yang melabur RM50 juta untuk menghasilkan katrij untuk cakera keras dan industri wafer dijadual beroperasi April ini manakala kilang Fuji Electric Malaysia Sdn Bhd yang akan menghasilkan media aluminium untuk industri cakera keras yang membabitkan pelaburan RM1 bilion mula dibina 1 Feb lepas.

Antara syarikat lain yang melabur di KHTP ialah MEMC Kulim Electronic Materials Sdn Bhd (melabur RM1.5 bilion), Kedah Wafer Emas Sdn Bhd (RM2 bilion), Pernec Corporation Sdn Bhd (RM50 juta), Hamadatec Sdn Bhd (RM300 juta), Wong Engineering Sdn Bhd (RM15.5 juta) dan NSC Electron Corporation (RM400 juta).

KHTP yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Mac tahun lepas dan direka bentuk untuk menjadi Bandaraya Sains Malaysia.

Ia akan berperanan sebagai pusat pertumbuhan industri berteknologi tinggi.

Taman perindustrian itu akan turut mempunyai kemudahan penyelidikan dan pembangunan, institusi pengajian tinggi, pusat pembangunan kemahiran, pusat

teknologi maklumat dan pusat perniagaan.

Untuk keselesaan warga KHTP, khususnya pekerja profesional yang mewakili syarikat antarabangsa, taman perindustrian dilengkapi padang golf dan pusat rekreasi selain kemudahan tempat tinggal yang selesa dari rumah berangkai sehingga banglo dan pangsapuri. -- BERNAMA

MFJ AKD